

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TAKLIMAT KESELAMATAN (*TOOLBOX TALKS*)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai Pejabat OSHE atau SLO atau orang yang bertanggungjawab terhadap kontraktor yang akan menjalankan pekerjaan di dalam kawasan Universiti untuk melaksanakan taklimat keselamatan (*Toolbox Talks*) sebelum sesuatu pekerjaan yang berisiko tinggi dijalankan.

2.0 SKOP

Garis panduan ini digunakan oleh pegawai Pejabat OSHE atau SLO atau orang yang bertanggungjawab terhadap kontraktor untuk melaksanakan taklimat keselamatan bagi semua kerja berisiko tinggi yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dan staf di dalam kawasan Universiti.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Seksyen 15(2) (a), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 3.2 Seksyen 10(d), Akta Kilang & Jentera 1967.

4.0 DEFINISI / SINGKATAN

Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
SLO	<i>Safety Liaison Officer</i> . Pegawai yang dilantik oleh pihak PTj untuk menyelaraskan perkara yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTj.
Kontraktor	Merujuk kepada kontraktor yang dilantik oleh pihak Universiti untuk melaksanakan kerja-kerja di dalam kawasan Universiti.
PTW	<i>Permit to Work</i> . Permit bekerja atau kelulusan bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat OSHE kepada pihak kontraktor sebelum melakukan sebarang kerja yang berisiko tinggi di dalam kawasan Universiti.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Kerja Berisiko	Kerja Tempat Tinggi (Kerja yang melebihi 10 kaki (3 meter) dari aras permukaan tanah atau lantai), Kerja Kren Bergerak,

Kerja Panas dan Kerja Elektrik Voltan Sederhana Tinggi
(*Medium High Voltage*)

5.0 KEPENTINGAN TAKLIMAT KESELAMATAN (*TOOLBOX TALKS*)

- 5.1 Menyampaikan maklumat, memberi latihan dan menjelaskan peralatan keselamatan yang diperlukan kepada orang yang bekerja berkenaan hazard dan langkah kawalan untuk memastikan keselamatan mereka semasa bekerja.
- 5.2 Memenuhi keperluan perundangan:
 - 5.2.1 Seksyen 15(2) (c), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. “pengadaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerjaanya yang sedang bekerja”
 - 5.2.2 Seksyen 10(d), Akta Kilang & Jentera 1967. “apa-apa cara setakat yang munasabahnya dapat dilaksanakan hendaklah diberikan, diselenggarakan dan digunakan untuk memastikan akses selamat ke dalam mana-mana tempat di mana, mana-mana orang patut pada bila-bila masa bekerja”.

6.0 PELAKSANAAN TAKLIMAT KESELAMATAN (*TOOLBOX TALKS*)

- 6.1 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah dilaksanakan sebelum sesuatu pekerjaan yang berisiko tinggi dilaksanakan.
- 6.2 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah dilaksanakan di tapak kerja yang hendak dilaksanakan.
- 6.3 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah diberikan oleh pegawai dari Pejabat OSHE atau mana-mana individu yang terlatih yang diarahkan oleh Pengarah Pejabat OSHE.
- 6.4 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa kira-kira 10-15 minit.
- 6.5 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah menerangkan berkenaan hazard, risiko, dan langkah kawalan bagi setiap aktiviti kerja yang akan dilakukan.
- 6.6 Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah dihadiri oleh semua pekerja yang terlibat dengan kerja berisiko tinggi.
- 6.7 Setiap Taklimat Keselamatan (*Toolbox Talks*) hendaklah direkod dan disimpan dengan baik menggunakan borang ***Training / Briefing/ Osh Induction Attendance Sheet*** sebagaimana **Lampiran 1**.

4.0 CATATAN:

5.0 TAKLIMAT DIKENDALIKAN OLEH :

Nama Pegawai	
Cop & Tandatangan	
Tarikh	

6.0 GAMBAR SEMASA AKTIVITI / TAKLIMAT KESELAMATAN